

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 SEPTEMBER 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
CAPAIAN : <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/09/879153/kajian-pelaksanaan-pembinaan-lpt3-selesai-metrotv>

Kajian pelaksanaan pembinaan LPT3 selesai



Kuala Lumpur: Kajian bagi pelaksanaan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT3) kini sudah selesai sepenuhnya dan diserahkan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri.

Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata kajian itu penting sebelum pembinaan sesuatu jalan bagi memastikan kesan sosial dan sebagainya.

"Sekarang kita menunggu apakah hala tuju baharu setelah kajian ini selesai termasuk dari segi peruntukan, bila hendak diberi peruntukan dan sebagainya.

"Apabila sudah mendapat arahan daripada mereka, baru tahu bila hendak dilaksanakan," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Pra Pelancaran Persidangan dan Pameran Jalan Malaysia Ke- 11th serta 4th International Road Federation (IRF) Asia-Pasific Regional Congress di sini, hari ini.

Kedua-dua acara itu akan diadakan serentak selama tiga hari bermula 11 sehingga 13 Oktober ini di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini.

Dianggarkan lebih 1,000 peserta dari dalam dan luar negara bakal menghadiri acara yang akan diadakan membabitkan sebanyak 111 ruang pameran bagi mempromosikan produk serta perkhidmatan berkaitan infrastruktur jalan raya.

Mengulas lanjut mengenai LPT3, Fadillah berkata, tanggungjawab pihaknya hanyalah membuat kajian dan EPU yang akan membuat keputusan sama ada pembinaan itu dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) atau RMK berikutnya.

"Ini bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan dan keutamaan yang dikemukakan dari setiap negeri kerana setiap negeri juga akan kemukakan senarai projek.

"Jadi akan lihat keutamaan yang dikemukakan dari setiap negeri dahulu dan dari situ nanti ditentukan keutamaan di peringkat negara berdasarkan kemampuan kewangan kerajaan," katanya.

Ditanya sama ada terdapat kekangan tenaga kerja, beliau berkata masalah itu sudah mula berkurangan sejak pekerja asing sudah mula dibenarkan masuk semula ke negara ini.

"Nampaknya masalah ini sudah mula berkurangan dan tidak lagi meruncing seperti sebelum ini," katanya.

Baru-baru ini, Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Husain Awang menggesa kerajaan mempercepatkan pembinaan LPT3 yang diluluskan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Ini kerana faktor mobilisasi rakyat di negeri Terengganu dan Kelantan perlu diambil kira supaya dapat memudahkan mereka dalam urusan harian.